

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA  
[ TASEK GELUGOR ]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk melaksanakan tindakan yang lebih tegas terhadap mereka yang dengan sengaja membuat kotor di tandas awam dan apakah Kementerian bercadang untuk mewujudkan tandas awam angkat untuk diselikan oleh NGO-NGO atau komuniti setempat agar setiap tandas awam kita mampu dipantau dengan baik.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa kini, tiada tindakan khusus seperti denda yang dikenakan kepada mereka yang tidak bertanggungjawab dengan sengaja mengotorkan tandas awam. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bersama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) akan mengkaji tindakan yang bersesuaian untuk dikenakan kepada mereka agar tandas awam di negara kita dapat dijaga dengan baik dan sentiasa dalam keadaan bersih.

2. KPKT juga menyambut baik cadangan untuk mewujudkan tandas awam angkat untuk diselia oleh Badan Bukan Kerajaan (NGO) atau komuniti setempat. Walau bagaimanapun, perkara ini perlu diperhalusi terlebih dahulu memandangkan buat masa ini semua tandas awam di kawasan PBT adalah di bawah seliaan PBT.

3. Pihak PBT juga bertanggungjawab untuk mengadakan pemantauan berjadual bagi memastikan semua tandas awam sentiasa bersih, selamat dan selesa untuk kegunaan pengguna.

Sekian, terima kasih.